

01/10/1998

Panggung Negara jayakan Makan Malam Apec '98

Hardi Effendi Yaacob

SEKRETARIAT Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik 1998 (Apec '98) mempertanggungjawabkan Panggung Negara untuk mengendalikan persembahan kesenian dan kebudayaan di Majlis Makan Malam Apec '98, 17 November ini.

Ia sebagai susulan kejayaan persembahan kesenian dan kebudayaan untuk majlis pembukaan serta penutup Sukan Komanwel XVI - Kuala Lumpur 1998 (KL '98) di Stadium Nasional, Bukit Jalil, 21 September lalu.

Persembahan itu berkonsep sendratari, dengan gabungan unsur muzikal dan tarian, selain menerapkan pengaruh teater.

Sendratari berjudul When Rivers Meet (Temuan Arus) akan diadakan sama ada di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra atau Grand Ballroom, Hotel Mandarin Oriental Kuala Lumpur, mulai jam 8 malam.

Persembahan itu akan dijayakan artis residen Panggung Negara, Kompleks Budaya Negara (KBN), Temple Of Fine Arts (TOFA), Kwang-Tung Group Of Fine Arts dan Kumpulan Brass Band dan Rebana Ubi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), selain dua penyanyi wanita popular iaitu Siti Nurhaliza dan Noraniza Idris.

Ketua Penolong Pengarah Panggung Negara, Johari Shaarani, berkata pihaknya turut mencadangkan kepada Sekretariat Apec '98 untuk mengadakan beberapa persembahan sampingan lain.

Katanya, pembabitan Panggung Negara dalam Apec '98 bermula pertengahan tahun ini apabila Sekretariat Apec '98 yang berpusat di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) mencadangkan beberapa kumpulan seni dan budaya untuk terbabit sama.

"Pada peringkat awal, kami terpaksa bersaing dengan Kumpulan Kesenian Petronas dan Kumpulan Briged Seni Melaka. Akhirnya kami terpilih dan terus rangka program sendratari itu.

"Pada 16 Ogos lalu, kami diminta mempersembahkan When Rivers Meet secara tertutup di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad buat penilaian. Beliau berpuas hati, cuma minta tukar tajuknya jadi When East Meet.

"Tapi, kami tidak setuju. Kami beritahu beliau bahawa tajuk asal lebih simbolik kerana melambangkan pertemuan tiga bangsa di negara ini - Melayu, Cina serta India dari pelbagai aspek termasuk seni mahupun budaya," katanya.

Sendratari When Rivers Meet dijangka berlangsung selama sejam dan membabitkan tiga segmen.

Segmen pertama memaparkan Gemilang Malaysia yang mempamerkan gabungan tarian pelbagai kaum di negara ini, manakala pada segmen kedua diperdengarkan nyanyian dua penyanyi wanita popular itu.

Antara lagu yang dinyanyikan adalah Aku Cinta Padamu, Purnama Merindu, Dondang Sayang Mambo, Awallah Dondang dan Seri Mersing.

Segmen ketiga baru dikaitkan dengan istilah When Rivers Meet dan segmen itu menjadi satu variasi gerakan yang menonjolkan perpaduan kaum dengan menggunakan beberapa elemen seperti sirih junjung, bunga emas dan bunga manggar yang digunakan masyarakat Melayu untuk sambutan diraja.

(END)